

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08 MARCH 2017

SIDANG KEMUNCAK PERSATUAN NEGARA-NEGARA PESISIR LAUTAN HINDI (IORA)

Malaysia tawar MIMA latih, kongsi kepakaran maritim



Malaysia mempunyai pengalaman dalam aspek keselamatan maritim seperti di Selat Melaka yang menjadi laluan perdagangan kapal paling sibuk di dunia, dilalui 80,000 kapal setahun”

Najib Razak,
Perdana Menteri

BH - 8/3/2017

[FOTO EPA]



Presiden Indonesia, **Joko Widodo** (kanan) bersama **Najib** pada Sidang Kemuncak IORA di Jakarta, semalam.

→ IORA harus ada institusi mampu salur pengalaman tangani isu: PM

▀ Jakarta

Malaysia menawarkan Institut Maritim Malaysia (MIMA) dijadikan pusat kecemerlangan bagi latihan dan perkongsian kepakaran untuk negara anggota Persatuan Negara-Negara Pesisir Lautan Hindi (IORA).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ini kerana Malaysia berpendapat IORA harus mempunyai sebuah institusi yang mampu menyalur dan berkongsi pengalaman bagi menangani isu berkaitan masalah perairan.

“Malaysia mempunyai pengalaman dalam aspek keselamatan maritim seperti di Selat Melaka yang menjadi laluan perdagangan kapal paling sibuk di dunia, dilalui 80,000 kapal setahun.

“Oleh itu, isu berkaitan pelanunan, keganasan, penyeludupan manusia dan jenayah merentasi sempadan dalam isu berkaitan keselamatan Selat Melaka jika tidak ditangani, boleh menjejaskan urusan perdagangan dunia,” katanya ke-

pada wartawan Malaysia, di sini, semalam.

Najib yang mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak IORA, di sini, berkata sebagai sokongan terhadap Deklarasi IORA Jakarta Berkaitan Mencegah Keganasan, Malaysia sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman menangani ancaman itu yang serius kini.

Buktikan komitmen

Katanya, Malaysia membuktikan komitmen dalam menjaga keselamatan Selat Melaka apabila mewujudkan kerangka Rondaan Selat Melaka bersama Singapura, Indonesia dan Thailand dengan membuat rondaan laut dan udara serta berkongsi maklumat risikan.

“Langkah diambil itu memberi kesan positif dengan penurunan kes jenayah laut. Contohnya pada 2015, terdapat 104 kes pelanunan atau rompakan di kawasan Selat Melaka, tetapi pada tahun lalu hanya satu kes dilaporkan,” katanya.

Katanya, pada sidang kemuncak itu, deklarasi ‘Jakarta Concord’ dirumuskan dengan enam bidang keutamaan, iaitu keselamatan maritim, memudah cara perdagangan dan pelaburan, pengurusan perikanan, pengurusan risiko bencana, kerjasama sains dan teknologi serta pelancongan dan kebudayaan.

Persidangan turut bersepakat merencanak dua isu rentas, iaitu ‘Blue Economy’ dan Pemerkasaan Ekonomi Wanita.